# LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN
# RABU 23 JANUARI 2019

| BIL | TAJUK KERATAN AKHBAR | KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI |
|---|---|---|
| 1.<br>2.<br>3.<br>4.<br>5. | TARAF HIDUP PETANI, NELAYAN TIDAK BERUBAH, MUKA DEPAN, UM -1<br>TARAF HIDUP PETANI, PENTERNAK TIDAK BANYAK BERUBAH, NASIONAL, SH -2<br>TIADA PERUBAHAN KEHIDUPAN, DALAM NEGERI, UM -4<br>SALUR BANTUAN KEPADA GOLONGAN SASAR, NEGARA, KOSMO -13<br>MINISTRY OUTLINES FIVE OBJECTIVES, FOCUS ON THREE DIMENSIONS OF AGROFOOD, BORNEO POST -ONLINE | KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI ASAS TANI (MOA) |
| 6. | KELUARGA ANGKAT SI COMEL, NUANSA, HM -47 | JABATAN PERKHIDMATAN VETERINAR (JPV) |
| 7. | IKAN MATI CUACA TAK MENENTU, SETEMPAT, HM -11 | JABATAN PERIKANAN MALAYSIA (DOF) |
| 8.<br>9. | SUPPLY OF FISHES AFFECTES AD FISHERMEN CANNOT GO FISHING DUE TO SHORTAGE IN SUBSIDIZED, CENTRAL, CHINA PRESS -CI<br>CUST IN 2.88MIL LITERS OF SUBSIDIZED DIESEL, NO DIESEL HOW TO GO CATCH FISH AT SEA? , NATION, CHINA PRESS -A4 | LEMBAGA KEMAJUAN IKAN MALAYSIA (LKIM) |
| 10.<br>11.<br>12.<br>13.<br>14.<br>15.<br>16.<br>17. | SASAR TINGKAT PENGELUARAN BERAS TEMPATAN 75 PERATUS, ISU, BH -14<br>'MINISTRY AIMING TO BOOST RICE OUTPUT TO 75PC', NEWS / NATION, NST -12<br>TERMINATION OF MONOPOLY BY BERNAS AFTER SOLUTION FOR REPLACEMENT, NATION, CHINA PRESS -A4<br>NO RUSH TO FIND MODEL TO REPLACE BERNAS – SALAHUDDIN, MALAYSIAN KINI -ONLINE<br>SASARAN BAHARU 75% KADAR BERAS TEMPATAN, DALAM NEGERI, UM -10<br>MALAYSIA IN BID TO INCREASE RICE PRODUCTION BY 5%, NATION, STAR -11<br>GOVERNMENT WILL NOT RUSH TO DECIDE ON NEW MODEL TP REPLACE BERNAS, KL SCREENER -ONLINE<br>GOVERNMENT WILL NOT RUSH TO DECIDE ON NEW MODEL TO REPLACE BERNAS, THE EDGE MARKET -ONLINE | PADIBERAS NASIONAL BERHAD (BERNAS) |
| 18. | K'JAAN SEDIA MAJUKAN INDUSTRI IKAN LAUT DALAM, UTAMA, SUARA KEADILAN -13 | PERSATUAN NELAYAN KEBANGSAAN (NEKMAT) |
| 19.<br>20.<br>21. | WARTA KAWASAN TANAMAN PADI, NEWS, SINAR HARIAN (UTARA) -20<br>KEDAH NILAI PERMOHONAN SEBELUM BENAR JUAL SAWAH, ISU, BH -14<br>TANGGUNGJAWAB KEKAL JELAPANG PADI BEBANKAN KEDAH, MUKA SEPULUH, BH -10 | LEMBAGA KEMAJUAN PERTANIAN MUDA (MADA) |
| 22. | AGROBANK TERUS PRIHATIN, BISNES, SH -42 | AGROBANK |
| 23. | FARMERS HAVE NOT ESCAPED POVERTY, NATION, SIN CHEW DAILY -13 | LAIN - LAIN |

**UKKMOA**

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT**
**KEMENTERIAN PERTANIAN & INDUSTRI ASAS TANI**
**(UNTUK EDARAN DALAMAN MOA, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)**

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/1/2019 | UTUSAN MALAYSIA | MUKA DEPAN | 1 |

# Taraf hidup petani, nelayan tidak berubah

- Taraf hidup petani, pesawah, nelayan dan penternak tak berubah walaupun banyak subsidi, bantuan diberikan.
- Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, mereka masih belum keluar daripada B40.
- Ia disebabkan bantuan tidak sampai golongan sasar, polisi agromakanan negara berteraskan pengeluaran berbanding dipacu pasaran.
- Bagi atasinya, kementerian fokus tingkatkan produktiviti, pastikan bantuan dan subsidi tertumpu kepada golongan sasar.




BERITA DI MUKA 4

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/1/2019 | SINAR HARIAN | NASIONAL | 2 |

# Taraf hidup petani, penternak tidak banyak berubah

**PUTRAJAYA** - Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani Datuk Salahuddin Ayub berkata, taraf hidup petani, nelayan, pesawah dan penternak di negara ini tidak banyak berubah biarpun telah banyak bantuan dan subsidi diberikan kepada golongan tersebut.

Salahuddin berkata, sebahagian daripada golongan tersebut masih tidak berjaya mengeluarkan diri daripada kumpulan ekonomi B40.

Dengan memetik kata-kata Perdana Menteri, Tun Dr Mahathir Mohamad iaitu 'pesawah dulu miskin, sekarang pun mereka masih miskin', Salahuddin membangkitkan persoalan samada kementerian itu telah melaksanakan tugas dengan baik.

"Persoalan harus ditanya dengan jujur kepada diri kita sendiri, adakah kita telah melaksanakan tanggungjawab dengan baik untuk membantu golongan sasar yang menjadi tanggungjawab kita ini?," katanya ketika berucap pada Majlis Amanat di kementerian itu semalam.

Mengulas mengenai perkara tersebut, Salahuddin berkata, kementerian secara jujur tidak menyembunyikan fakta yang belum dicapai dan mengambil pendekatan mendepani cabaran tersebut.

"Perkara ini merupakan fokus utama kementerian dan untuk meningkatkan produktiviti, kita akan memastikan segala bantuan, insentif dan subsidi sampai ke golongan sasar,"katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/1/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 4 |

# Tiada perubahan kehidupan

**Oleh SOFIAN BAHAROM**
sofian.baharom@utusan.com.my

**PUTRAJAYA 22 Jan.** - Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengakui tiada perubahan ketara berlaku kepada taraf hidup golongan petani, pesawah, nelayan dan penternak di negara ini.

Walaupun telah banyak subsidi dan bantuan yang diberikan, Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, golongan itu masih tidak berjaya mengeluarkan diri mereka daripada kumpulan ekonomi golongan berpendapatan rendah (B40).

Beliau memberitahu, antara faktor penyebab perkara itu termasuk penumpuan dasar yang terlalu menekankan tahap kadar sara diri (SSL) menyebabkan pemikiran, pendekatan dan polisi-polisi agromakanan negara lebih bersifat berteraskan pengeluaran (*production centric*) berbanding dipacu pasaran (*market driven*).

"Hakikatnya, dasar seperti inilah yang menyebabkan kita gagal membantu meningkatkan pendapatan golongan sasar kita

"Jadi kementerian mengambil tanggungjawab untuk mendepani cabaran berkenaan. Itu fokus utama kementerian iaitu dalam meningkatkan produktiviti serta memastikan segala bantuan insentif dan subsidi pada masa akan datang menumpukan kepada golongan sasar," katanya kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Amanat 2019 Bersama Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani di sini hari ini.

Mengulas lanjut, Salahuddin berkata, proses pemutihan perlu dilakukan bagi memastikan segala insentif bantuan kerajaan dapat sampai kepada golongan sasar.

Sekiranya proses pemutihan itu tidak dilakukan jelas beliau, dikhuatiri segala faedah daripada bantuan tersebut akan diperoleh oleh mereka yang tidak sepatutnya.

"Saya akan memberi sokongan padu kepada pegawai-pegawai kementerian yang mengambil tanggungjawab dalam melaksanakan proses pemutihan ini. Saya faham ia tidak mudah," katanya.

Ditanya sama ada proses pemutihan masih dijalankan, Salahuddin menjelaskan, proses melibatkan golongan nelayan serta pesawah sudah hampir selesai namun menegaskan ia adalah proses sepanjang masa.

"Sebagai contoh, ada nelayan yang mendaftarkan anak-anak mereka sekali untuk bantuan itu. Anak-anak mereka sudah bekerja di Singapura dan Kuala Lumpur," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/1/2019 | KOSMO | NEGARA | 13 |

Majoriti petani, pesawah, nelayan dan penternak masih miskin

# Salur bantuan kepada golongan sasar

Oleh NOR IDAYU BOSRO

**PUTRAJAYA** – Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani mengakui, taraf hidup golongan petani, pesawah, nelayan serta penternak di negara ini tidak menunjukkan perubahan ketara walaupun telah banyak subsidi dan bantuan diberikan.



Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub **(gambar)** berkata, kumpulan itu masih belum berjaya keluar daripada kerangka ekonomi golongan isi rumah berpendapatan rendah (B40).

"Pihak kementerian mengambil tanggungjawab untuk mendepani cabaran itu kerana majoriti golongan petani, pesawah, nelayan dan penternak masih lagi dalam kumpulan B40.

"Itu merupakan fokus utama kementerian untuk meningkatkan produktiviti dan akan memastikan segala bentuk bantuan, insentif serta subsidi pada masa akan datang difokuskan kepada golongan sasar," katanya pada sidang akhbar selepas menyempurnakan Majlis Amanat 2019 bersama Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani di sini semalam.

Mengulas lanjut, Salahuddin berkata, bagi memastikan bantuan dapat disalurkan kepada golongan sasar, kementerian akan terus komited melaksanakan proses pemutihan yang kini giat dijalankan.

"Dengan berlakunya proses pemutihan inilah saya harapkan bantuan insentif kerajaan sampai kepada golongan sasar.

"Kalau tidak berlaku proses pemutihan ini, saya bimbang kementerian beri segala faedah kepada golongan yang tidak sepatutnya dapat," katanya.



MAJORITI nelayan di negara ini masih belum berjaya keluar daripada kerangka ekonomi golongan isi rumah berpendapatan rendah. – Gambar hiasan

Ketika ditanya mengenai status proses pemutihan itu, Salahuddin berkata, saringan melibatkan golongan nelayan dan pesawah sudah hampir selesai, namun ia adalah satu proses sepanjang masa.

"Saya yakin kita dapat berikan (bantuan) kepada golongan sasar walaupun kekurangan bajet pada tahun ini.

"Anggaran yang tidak lagi dapat bantuan selepas proses pemutihan berjalan bergantung kepada golongan terlibat kerana setiap kategori ada kelayakan serta kriteria tersendiri," katanya.

Terdahulu, Salahuddin ketika berucap turut menggariskan lima hala tuju kementerian yang dirangka dengan memberi penumpuan kepada tiga dimensi agromakanan iaitu keselamatan makanan negara, pembangunan ekonomi luar bandar serta pelaburan swasta dan perdagangan.

Sementara itu, Salahuddin berkata, kerajaan tidak tergesa-gesa dalam membuat keputusan berkenaan monopoli Padiberas Nasional Bhd., (Bernas) memandangkan kontrak Bernas dengan kerajaan hanya akan tamat pada tahun 2021.

Kabinet bersetuju untuk memecahkan monopoli Bernas dan satu jawatankuasa khas yang diketuai oleh Menteri Hal Ehwal Ekonomi, Datuk Seri Mohamed Azmin Ali yang terdiri daripada lapan kementerian sedang berusaha merencanakan model baharu menggantikan Bernas.

"Ini isu besar negara dan kami kena lihat secara holistik dan tak perlu tergesa-gesa kerana ini adalah isu keselamatan makanan negara," katanya.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/1/2019 | BORNEO POST | ONLINE | |

## Ministry outlines five objectives, focus on three dimensions of agrofood



Salahuddin (right) greets guests as he arrives for a New Year gathering at Wisma Tani. — Bernama photo

PUTRAJAYA: The Ministry of Agriculture and Agro-Based Industry (MOA) has outlined five objectives beginning this year which will focus on three dimensions of agrofood, namely national food safety, rural economic development, and private sector investment and trade.

In his 2019 address to his ministry here yesterday, MOA minister Datuk Salahuddin Ayub said focus on the three dimensions would be towards efforts to look at and understand the challenges and structural problems that are holding back the success of the agrofood sector.

He said policies which stressed too much on self-sufficiency levels (SSL) had resulted in the national agrofood policies, thought and approaches being too production-centric compared to being market-driven.

"In the effort to achieve higher SSL, we failed to monitor and manage agriculture input costs well.

"As a result, the success of achieving high SSLs could not interpret into higher income for farmers, fishermen and breeders, as well as reduce prices for consumers," he said.

Salahuddin outlined the first objective was to modernise and increase agriculture output by ensuring supply and national food prices with stress on the padi, ruminant and fishery subsectors.

The second objective, he said, was to boost private sector investment in commercial agriculture and increase agricultural export trade.

The third objective was to make agriculture a strong source of income which would benefit farmers, rearers, fishermen and young agropreneurs.

The fourth objective was to improve the ecosystem for the agricultural industry to support modern agriculture, private sector investment and development activities for farmers, breeders and fishermen.

The last objective was to strengthen the organisational structure of departments and agencies under MOA to improve the delivery and administrative system.

"We have to always remind ourselves that the MOA is a ministry which is centred on the people and protecting the farmers is our main responsibility," Salahuddin said. — Bernama

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/1/2019 | HARIAN METRO | NUANSA | 47 |

# KELUARGA ANGKAT SI COMEL

## 23 kucing terbiar divaksin dan dibersihkan kini di bawah jagaan individu berminat


**Zaitie Satibi**
zaisa@hmetro.com.my




ORANG ramai memilih kucing untuk dijadikan haiwan peliharaan.




PEMILIK baharu diberikan sijil penghargaan pemilikan kucing terbiar.



ANTARA kucing terbiar yang dirawat untuk program angkat.

**Program** Kucing Angkat sempena Shah Alam Hari Tanpa Kenderaan 2019 anjuran Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA), baru-baru ini mendapat sambutan menggalakkan. Sebanyak 23 kucing terbiar berada di bawah jagaan individu yang berminat.

Program ini bertujuan meningkatkan kesedaran komuniti setempat dan menggalakkan kerjasama secara berterusan daripada semua pihak untuk bersikap lebih bertanggungjawab kepada haiwan peliharaan demi untuk persekitaran yang bersih dan selamat.

Selain itu, program ini juga antara langkah proaktif bagi mengawal peningkatan populasi anjing dan kucing terbiar di kawasan pentadbiran MBSA.

Ketua Bahagian Korporat dan Perhubungan Awam MBSA, Shahrin Ahmad berkata, kucing yang terbabit dalam program berkenaan ditangkap MBSA di kawasan seperti pasar dan gerai.

"Sebelum diserahkan kepada individu yang berminat, kucing ini dibersihkan, divaksin dan diberi pemeriksaan kesihatan.

"Setiap kucing diambil daripada MBSA dikenakan bayaran RM20 dan maksimum dua ekor bagi seorang pemilik," katanya.

Katanya, MBSA turut bekerjasama dengan Jabatan Perkhidmatan Veterinar Selangor, Jabatan Perlindungan Hidupan Liar dan Taman Negara (PERHILITAN) Selangor dan Tabung Alam Sedunia (WWF) Malaysia bagi menjayakan program berkenaan.

Antara pengisian aktiviti program ini adalah seminar, pameran statik dan gerai jualan. Malah, ia turut menerima tajaan beberapa syarikat pengeluaran makanan haiwan dan klinik rawatan haiwan yang menyokong program sebegini dilaksanakan.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 23/1/2019 | HARIAN METRO | SETEMPAT | 11 |



KHAIRUL menunjukkan sebahagian ikan yang diternak mati di Kampung Pulau Keladi.

# Ikan mati cuaca tak menentu

**Pekan:** Cuaca tidak menentu selain air Sungai Pahang dipercayai tercemar menjadi punca menyebabkan pelbagai spesies ikan diternak di daerah ini mati.

Penternak ikan dalam sangkar di daerah ini mendakwa menanggung kerugian apabila ternakan seperti patin, baung, jelawat, kerai dan tilapia merah pelbagai saiz kerap mati sejak kebelakangan ini.

Penternak, Khairul Ibrahim, 34, berkata, perkara itu bermula sejak akhir tahun lalu dan masih berlarutan dengan anggaran 20 hingga 70 ikan diternak dalam sangkarnya mati setiap hari.

Beliau berkata, penternak ikan dalam sangkar tidak mampu berbuat apa-apa kerana tiada ubat atau kaedah terbaik untuk menangani masalah itu.

> Selain perubahan cuaca, saya yakin pencemaran air Sungai Pahang menjadi punca utama banyak ikan mati. Air sungai kini menjadi keruh dan berlumpur terutama ketika air surut"
>
> *Khairul Ibrahim*

"Selain perubahan cuaca, saya yakin pencemaran air Sungai Pahang menjadi punca utama banyak ikan mati. Air sungai kini menjadi keruh dan berlumpur terutama ketika air surut.

"Sebelum ini, kes ikan mati kerap dilaporkan selepas banjir bagaimanapun sekarang ia berlaku di luar musim tengkujuh," katanya, ketika ditemui di Kampung Pulau Keladi, semalam.

Khairul sentiasa bekerjasama dengan Jabatan Perikanan Pahang, bagi mencari penyelesaian berhubung masalah itu.

Sementara itu Pengarah Jabatan Perikanan Pahang Azahari Othman berkata, pihaknya memandang serius perkara itu.

Azahari berkata, banyak faktor boleh menyebabkan ikan mati secara berperingkat seperti cuaca panas, kualiti air dan wabak penyakit.

"Ikan mati perlu dihantar ke makmal jabatan ujian lanjut. Kami berharap penternak daerah ini terus berhubung dengan Pejabat Perikanan Daerah Pekan.

"Sekarang kami kena cari punca menyebabkan kematian ikan sama ada disebabkan kualiti air atau parasit," katanya ketika ditemui.



KHAIRUL memberi makan ikan yang diternak di Kampung Pulau Keladi.

| Headline | Supply of fishes affected as fishermen cannot go fishing due to shortage in subsidized | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 23 Jan 2019 | Color | Full Color |
| Section | Central | Circulation | 233,713 |
| Page No | C1 | Readership | 1,076,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 2157 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 42,548 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 127,644 |



新年近津貼柴油短缺

# 漁船不出海 影響漁供

報導◆郭貞黎

（吉隆坡22日讯）华人新年即将来到，渔船津贴柴油竟供不应求，许多渔船被迫休息，无法出海捕鱼，进一步影响到渔获供应，甚至可能会影响华人新年期间的海产价格，渔民更担心日后持续发生津贴柴油短缺问题而不知所措。

据了解，全国渔船津贴柴油削减了20%，尽管半港今日有柴油，但是渔民却担心明天之后，柴油短缺，影响生计。

最新一轮适耕庄渔村渔船添不到津贴柴油无法出海的情况是发生在1月19日，尽管半港今日有柴油供应，唯渔民担心 明天之后，又出现柴油供不应求情况。

这几天有许多渔船因为添不到柴油，也无法出海捕鱼，形成渔村一带也停泊了不少的渔船。

## 冀增加添油站

适耕庄渔业公会主席谢添僖接受《中国报》记者电访时坦言，适耕庄渔船于这3个月来每个月，面对柴油不够的问题，导致不少渔船受影响，无法出海捕鱼。

连他本身的渔船都面对添不到柴油的情况，原本计划于20日出海，于19日前往添油时却被告知没有柴油。

"没有柴油，我的渔船也无法出海，又要多休息几天，又担心不知下期二的柴油是否足够应付渔船的需求，到时一定有许多渔船涌著去添油。"

谢添僖说，目前，在适耕庄渔村共有3个渔船加油站，虽然常见到有油槽罗厘来到，但却常被告知没有柴油，他们也不解为何会有如此问题。

他说，在上个月的21日左右也曾发生没有柴油的情况，影响到不少渔民的作业情况，当时也有30至40艘渔船还要前往丹绒加弄或大港一带添油。

他指出，目前还有二个星期就是华人新年，但渔船无法出海，影响到海产供应，不排除会造成渔产价格继续飙升。

他说，他们在7至8月时没有面对柴油不够的情况，但从10月开始就连续数个月都发生同样的情况。

"适耕庄的渔船越来越多，我们除了希望能增加津贴柴油的固打，也希望能增加添油站，至少需要多2个，减少垄断市场情况，也让渔船不用全都塞在一个河道处，也不用大排长龙等添油。"



↑在近几个月来，适耕庄的渔船一直面对添不到柴油的情况。

↓要添油的渔船太多，导致大量渔船在排队等添油。



## 添油站河道塞滿漁船

要排队等添油的渔船太多，导致渔船不只是要大排长龙，更因为河道"塞船"，大量渔船常困在河道之中进退两难。

谢添僖说，由于柴油量不够，又怕添不到油，渔船也常出现争先恐后来添油，导致要往添油站的河道常塞满渔船。

他说，由于河道并不宽，又有渔船浮泊一般，当有渔船进出添油时，也常出现船塞著无法进出的情况，也常因此发生渔船碰撞的情况，有时也更要花上数千令吉维修。

"我们的河道很浅，能够添油的时间也限于数小时，当潮水一退，船就会"卡"住，无法驶出。"

### "卡"河口設備損壞

他说，其船只上次因前往其他渔村添油时，就是因为"卡"在河口也弄坏了船只的设备，更必须要花20天时间修船。

他指出，B牌渔船平均需要用到的柴油是600至800公升，C牌则是800至1000公升的柴油。

他说，据他向其他州属和渔村了解，其他地区都没有发生渔船柴油不够的情况，也只有适耕庄渔船发生如此的问题。

目前，适耕庄渔村总共有249艘渔船，分别是A牌渔船共有7艘，B牌渔船最多共有146艘，而C牌渔船则有96艘。

谢添僖出指出，只要政府愿意谈，马来西亚渔业总会是愿意给予配合。



■谢添僖：适耕庄渔船津贴柴油不够，造成无法出海捕鱼。



■这几天都可见到渔村一带有一些渔船没有出海捕鱼，有部分是因为添不到油无法出海。



■黄瑞林前往渔村一带巡视情况，并向谢添僖（红衣背对镜头）了解渔船面对添不到柴油的情况。

## 黃瑞林：漁船增加供不應求

适耕庄区州议员黄瑞林说，适耕庄渔村在这几个月来，平均每个月发生1至2次柴油不敷使用情况，对渔民造成很大的困扰。

黄瑞林也是雪州议长，他接受电访时说，尤其是目前距离华人农历新年还有两个星期，对于海产的需求量特别高。

他说，渔船因此无法出海捕鱼，恐怕将会影响到渔获的供应，进而造成海产的价格进一步飙升。

他指出，他也与国会议员讨论此课题，也希望当局能进一步监督柴油供应的情况，包括避免津贴柴油被滥用的问题发生。

他说，根据渔业发展局的报告，当地的每个月的津贴柴油是210万公升。

### 要求增固打未獲批

"柴油不够有几个原因，主要是当地的渔船在这几年增加很多，从原有的140多艘增加至250艘左右，对于柴油的需求量也增加。"

他说，他曾于于去年9月至10月期间，曾致函给当局要求增加津贴柴油的固打，但该申请迄今尚未获得批准。

他指出，现有的渔船添油站，也应该要由现有的3个增加至5个，渔船不用大排长龙来添油。

"我将会和渔业局、农业部等跟进上述的问题，农业部副部长沈志勤也曾来巡视渔村时，我们也曾向他反映过此问题。"

Powered by: isentia

| Headline | Cuts in 2.88mil liters of subsidized diesel, no diesel how to go catch fish at sea? | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 23 Jan 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 233,713 |
| Page No | A4 | Readership | 1,076,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 818 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 16,136 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 48,407 |







## 供應大減288萬公升
# 沒柴油 怎出海捕魚？

（半港22日讯）农历新年即将来临，渔业发展局对全国渔民补贴柴油的每月供应量，却大幅度削减288万公升，单是霹州半港就减少166万公升，导致600余艘渔船即将迎来"柴油荒"。

马来西亚渔业总会会长谢添僖指出，该会将发信给农业与农基部长拿督沙拉胡丁和渔业发展局总监，促请关注此事，与渔业领袖交流。

"当局没说明为何突然大幅度削减每月柴油供应量，这严重打击渔民，并导致许多渔船缺油而自动停海，届时市场鲜鱼价格将高涨。"

谢添僖今日联同下霹雳渔民合作、半港海产公会及大港海产公会领袖，联合召开记者会这么说。

下霹雳渔民合作主席纪春福说，半港是全国最大渔港，过去渔业发展局通过渔民协会，每月销售834万9195公升补贴柴油给该区渔民，前天收到通知，突然削减166万公升，导致最少80%渔船面临油荒。

### 應調到1000萬公升

"当局的数据停留在2016年，当时下霹雳有795艘各类渔船，但近2年半港已增加174艘新注册渔船，若每艘渔船每月用油2万公升，区内最少需1200万公升柴油。"

"如今反而被大幅度削减，渔民促请政府保持原有固打，甚至应调到1000万公升。"



■渔民领袖促请农长关注柴油课题：前排左起纪伟成、李秋水、谢添僖、纪春福，及下霹雳渔民合作社理事谢松柏。

深海渔船每次出海逾10天，用油量逾万公升，政府补贴渔民柴油每公升只售1令吉65仙。

半港海产公会主席李秋水说，工业柴油价格每公升2令吉10仙，若渔民需添贵油，宁愿停海，以免亏损。

他说，半港仅存约50万公升柴油，很快面对柴油荒。

"渔民生活陷入困境，鲜鱼供应也必严缺。"

### 適耕莊大港也鬧柴油荒

渔总名誉永久会长兼大港海产公会总务纪伟成说，雪州适耕庄及大港，也面对"柴油荒"，令渔民怨声载道。

他说，大港有182艘各类渔船，近日大港其中一间售卖渔业柴油的油站，供应量被削减40%、双武隆油站则被削减50%。

"政府有补贴渔民柴油，渔民还可赚取微薄收入。如果需添工业价格的贵油，渔民随时亏损，许多渔民将自动停海，收入与生活肯定受打击。"

谢添僖说，适耕庄有243艘渔船，上月21日已发生柴油荒，许多渔船添不到柴油，无法出海。

他说，当局的数据还停留在10年前的111艘渔船，如今渔船数量却已翻倍了。



■半港是全国最大渔港，单是半港，就被削减166万公升补贴柴油供应量。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/1/2019 | BERITA HARIAN | ISU | 14 |

# Sasar tingkat pengeluaran beras tempatan 75 peratus

**Putrajaya:** Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani menyasarkan pengeluaran 75 peratus beras tempatan dalam masa beberapa tahun lagi, berbanding 70 peratus ketika ini bagi mengurangkan kebergantungan kepada beras import.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub, berkata ketika ini, sebanyak 30 peratus beras diimport dengan kos RM1.18 bilion pada tahun lalu, bagi 740,000 tan beras.

"Kementerian bersetuju untuk meningkatkan (pengeluaran beras tempatan) kepada 75 peratus, mungkin dalam tempoh tiga atau empat tahui.

"Kita akan meningkatkan penggunaan teknologi dengan membuat *profiling* dan menggunakan baja yang sesuai. Itu akan kita berikan tumpuan," katanya selepas menyampaikan Amanat Tahun Baharu 2019 kepada warga kementeriannya di sini, semalam.

*BH* sebelum ini melaporkan negara hanya mampu mengeluarkan dua juta tan beras sahaja, manakala satu juta tan terpaksa bergantung kepada beras import.

Bekas Pengerusi Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Datuk Othman Aziz, berkata dari sudut jaminan makanan, keadaan itu agak berbahaya jika negara pembekal menamatkan penjualan mereka atau menaikkan harga beras.

## Sawah mengecil

Selain itu, pertumbuhan jumlah penduduk yang meningkat setiap tahun juga memaksa kawasan sawah dibangunkan, terutama di pinggir bandar menyebabkan kawasan penanaman padi semakin mengecil.

Mengulas isu tanah sawah, Salahuddin berkata, beliau sudah beberapa kali membawa isu berkenaan dalam mesyuarat Majlis Tanah Negara.

"Untuk memastikan jelapang padi kekal, ia bukan hanya tugas kementerian ini.

"Tanah adalah hak negeri dan kita hanya mengesyorkan.

"Sudah banyak kita bangkitkan supaya negeri mengambil inisiatif mewartakan tanah jelapang kerana jika tidak, ia akan semakin kecil.

"Jika ada negeri mahu memberi tanah untuk dijadikan jelapang baharu, kita sangat alu-alukan," katanya.

Sementara itu, Salahuddin berkata, kementeriannya juga giat menjalankan proses pemutihan bagi memastikan hanya petani, penternak dan nelayan yang layak sahaja mendapat insentif yang disediakan kerajaan.

Sebagai contoh, katanya, ada



*Salahuddin Ayub*

nelayan yang mendaftar diri dan anak untuk mendapatkan insentif, sedangkan anaknya mempunyai pekerjaan lain.

"Kita bimbang jika beri faedah kepada mereka yang tidak layak. Justeru, proses pemutihan ini berjalan sepanjang masa. Kita yakin pada tahun ini, insentif akan sampai kepada golongan sasar," katanya.

Sementara itu, dalam ucapannya, Salahuddin menggariskan lima hala tuju kementerian itu pada tahun ini, iaitu memoden dan meningkatkan pengeluaran pertanian, merancakkan pembabitan pelaburan swasta serta menjadikan pertanian sebagai sumber pendapatan yang kukuh.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/1/2019 | NST | NEWS / NATION | 12 |

FOOD SECURITY

# 'Ministry aiming to boost rice output to 75pc'

**PUTRAJAYA:** The Agriculture and Agro-based Industries Ministry targets to increase 75 per cent of local rice production from the current 70 per cent in a few years' time to reduce the dependency on imported rice.

Its minister, Datuk Salahuddin Ayub, said 30 per cent or 740,000 tonnes of rice were imported last year at a cost of RM1.18 million.

"The ministry has agreed to increase local rice production to 75 per cent, probably in three or four years to come.

"We will increase the use of technology for 'profiling' as well as the use of suitable fertilisers. That is what we are going to focus on," he said here yesterday.

Last Sunday, the *New Sunday Times* reported that the country produced only about two million tonnes of rice, while the remaining one tonne was imported from overseas.

Former Muda Agricultural Development Authority (Mada) chairman Datuk Othman Aziz said from the aspect of food security, it was a dangerous situation if rice-producing-countries suddenly stopped exporting rice or decide to increase prices.

Besides that, the population growth increases every year and forces padi fields to be developed especially in urban areas, causing areas designated for padi plantation to shrink.

On the issue of land for padi fields, Salahuddin said he had raised the matter with the National Land Council.

"It is not the task of the ministry alone to make sure the fields remain. Land is the state's right and we can only suggest ideas."

| Headline | Termination of monopoly by Bernas after solution for replacement | | |
|---|---|---|---|
| MediaTitle | China Press | | |
| Date | 23 Jan 2019 | Color | Full Color |
| Section | Nation | Circulation | 233,713 |
| Page No | A4 | Readership | 1,076,000 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 329 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 6,490 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 19,469 |





■沙拉胡丁（右2）与部门官员握手问好。右为副部长沈志勤。

# 國家稻米壟斷市場 有替代模式才終止

（布城22日马新社讯）农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁阿育说，政府不会仓促终止国家稻米公司（Bernas）在白米市场的垄断，而是会全面研究替代模式才落实。

他说，内阁已同意终止国家稻米公司垄断的问题，至于经济事务部长拿督斯里阿兹敏领导，及8个部门代表组成的一个特别委员会，正在研究替代方案。

“这是国家的大课题，我们须全面探讨，无需仓促决定，因为这是国家食品安全课题。”

沙拉胡丁今天发表2019年部长训词后，召开记者会这么说。

他说，政府会全面研究接获的所有建议，数个非政府组织、个人及业者已受邀针对取代国家稻米公司的新模式发表意见。

此外，沙拉胡丁说，农业部矢在未来3至4年内提升本地稻米产量，从70%增至75%，应付本地的需求。

“我们也会推广采用‘土壤剖面’科技、施肥及合适的稻米品种。”

他说，政府去年耗资11亿8000万令吉进口74万公吨白米。

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 23/1/2019 | MALAYSIA KINI | ONLINE | |

## No rush to find model to replace Bernas – Salahuddin




The government will not rush into making a decision over the rice monopoly of Padiberas Nasional Bhd (Bernas), considering the firm's contract with the government is only set to expire in 2021, says Agriculture and Agro-based Industry Minister Salahuddin Ayub.

Salahuddin said the cabinet had already agreed to break Bernas' monopoly, and a special committee comprising eight ministries headed by Economic Affairs Minister Mohamed Azmin Ali is in the process of planning a new model as a replacement.

"This is one of the big issues faced by the country, and we have to look at it holistically and not rush, as it is a national food security issue," he told a press conference after delivering his New Year's address to ministry staff here today.

Salahuddin said all the proposed models submitted to the government would be holistically reviewed, and several NGOs, individuals and industry players have been invited to present their views on them.

In the meantime, he said the ministry intends to increase paddy production for local consumption to 75 percent from the current 70 percent within three to four years.

"We will also increase the use of technology through the soil profiling method, as well as by using fertilisers and suitable paddy varieties," he said, adding that last year, the government spent RM1.18 billion on importing 740,000 metric tonnes of rice.

*- Bernama*

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 23/1/2019 | UTUSAN MALAYSIA | DALAM NEGERI | 10 |

# Sasaran baharu 75% kadar beras tempatan

**PUTRAJAYA 22 Jan.**- Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani bersetuju untuk meningkatkan kadar penggunaan beras tempatan kepada 75 peratus dalam tempoh tiga hingga empat tahun akan datang.

Menterinya, Datuk Salahuddin Ayub berkata, kadar baharu itu adalah peningkatan sebanyak lima peratus berbanding 70 peratus ketika ini.

Langkah itu, kata beliau, selaras dengan usaha kerajaan untuk mengurangkan kebergantungan negara kepada beras import.

"Kita juga insya-Allah akan meningkatkan pendekatan teknologi dengan kaedah *'soil profiling'*, mengguna baja sesuai dan varieti yang kita rasa boleh digunakan untuk meningkatkan pengeluaran," katanya.

Beliau berkata demikian kepada pemberita selepas menyempurnakan Majlis Amanat 2019 Bersama Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani di sini hari ini.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/1/2019 | STAR | NATION | 11 |

# Malaysia in bid to increase rice production by 5%

**PUTRAJAYA:** The production rate of local rice will be increased to 75% from the current 70% as Malaysia looks to reduce dependency on imports, said Datuk Salahuddin Ayub.

The Agriculture and Agro-based Industries Minister said Malaysia imported 740,000 tonnes of rice last year, which cost about RM1.18bil.

"The ministry has set a target to increase the production of local rice to 75% within the next three or four years.

"To increase production, we will look into the usage of modern technology such as 'soil profiling', and using better variety of fertilisers and such," said Salahuddin.

Salahuddin added that state governments also have a duty to ensure that enough agricultural lands are gazetted to achieve the target.

"I have raised this matter in the National Land Council meetings. The rights of the land belong to the state governments, so it is up to them to gazette agricultural lands. If not, these lands would decrease.

"Some states have taken the initiative to gazette new lands and we welcome and encourage this," he said.

On the removal of Padiberas Nasional Bhd's (Bernas) rice monopoly, Salahuddin said the ministry is not in a hurry as Bernas' concession is set to end in 2021.

"This issue needs to be looked into realistically. We must find the best model moving forward, and we have gathered feedback from NGOs and industry players."

Earlier, Salahuddin, in his new year's address to staff of his ministry at Wisma Tani here, outlined key areas that the ministry is looking to focus on for the year – including increasing agricultural output through modernisation.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/1/2019 | KL SCREENER | ONLINE | |

# Government will not rush to decide on new model to replace Bernas

PUTRAJAYA (Jan 22): The Government will not rush into making a decision over the rice monopoly of Padiberas Nasional Bhd (Bernas), considering the firm's contract with the Government is only set to expire in 2021, said Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub.

He said the Cabinet had already agreed to break Bernas' monopoly, and a special committee comprising eight Ministries headed by Economic Affairs Minister Datuk Seri Mohamed Azmin Ali is in the process of planning a new model to replace Bernas.

"This is one of the big issues faced by the country, and we have to look at it holistically and not rush as it's a national food security issue," he told a press conference after delivering his New Year's address to Ministry staff here today.

Salahuddin said all the proposed models submitted to the Government would be holistically reviewed and several non-governmental organisations, individuals and industry players had been invited to present their views on them.

In the meantime, he said the Ministry intends to increase padi production for local consumption to 75 per cent from the current 70 per cent within three to four years.

"We will also increase the use of technology through the soil profiling method, as well as by using fertilizers and suitable padi varieties," he said, adding that last year, the Government spent RM1.18 billion on importing 740,000 tonnes of rice.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/1/2019 | THE EDGE MARKET | ONLINE | |

## Government will not rush to decide on new model to replace Bernas




PUTRAJAYA (Jan 22): The Government will not rush into making a decision over the rice monopoly of Padiberas Nasional Bhd (Bernas), considering the firm's contract with the Government is only set to expire in 2021, said Agriculture and Agro-based Industry Minister Datuk Salahuddin Ayub.
He said the Cabinet had already agreed to break Bernas' monopoly, and a special committee comprising eight Ministries headed by Economic Affairs Minister Datuk Seri Mohamed Azmin Ali is in the process of planning a new model to replace Bernas.

"This is one of the big issues faced by the country, and we have to look at it holistically and not rush as it's a national food security issue," he told a press conference after delivering his New Year's address to Ministry staff here today.

Salahuddin said all the proposed models submitted to the Government would be holistically reviewed and several non-governmental organisations, individuals and industry players had been invited to present their views on them.

In the meantime, he said the Ministry intends to increase padi production for local consumption to 75 per cent from the current 70 per cent within three to four years.

"We will also increase the use of technology through the soil profiling method, as well as by using fertilizers and suitable padi varieties," he said, adding that last year, the Government spent RM1.18 billion on importing 740,000 tonnes of rice.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/1/2019 | SUARA KEADILAN | UTAMA | 13 |

# K'jaan sedia majukan industri ikan laut dalam

**KERAJAAN** bersedia mengkaji cadangan agar insentif disediakan bagi membantu nelayan yang ingin mengusahakan penternakan ikan dalam sangkar di laut dalam.

Menteri Pertanian Dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berkata, pihaknya menyambut baik cadangan itu yang dikemuka Persatuan Nelayan Kebangsaan (Nekmat) baru-baru ini.

Malah kementerian tambahnya sentiasa mengkaji bantuan-bantuan sewajarnya yang boleh disalurkan kepada golongan itu.

"Saya tiada masalah tentang cadangan NEKMAT itu, kerana mereka lebih faham dalam dunia mereka.

"Mereka pun menjadi payung kepada seluruh nelayan. Kalau itu suatu yang dilihat boleh memberikan nilai tambah kepada interaksi itu, saya akan melihat apakah bantuan-bantuan yang sewajarnya yang boleh kita berikan kepada Nekmat," katanya.

Beliau sebelumnya bercakap dalam satu program Analisis AWANI pada minggu lalu.

Industri ikan dalam sangkar di laut dalam adalah teknik penternakan ikan laut di dalam sangkar terapung.

Ia dijangka bakal dapat meningkatkan hasil nelayan dan menangani isu kekurangan bekalan sumber protein itu.

Sementara itu tambah Salahuddin, sekiranya Malaysia mahu mempelopori industri tersebut, negara masih perlu belajar bagi sektor penternakan ikan dalam sangkar di laut dalam dengan negara-negara yang mempunyai kepakaran seperti New Zealand.

Pihak kerajaan tambahnya sentiasa terbuka menerima cadangan yang boleh dijadikan rujukan untuk membantu mereformasikan industri perikanan negara.

Bagaimanapun jelasnya, setakat ini Malaysia boleh dianggap berjaya dalam industri akuakultur memandangkan ia telah dapat memenuhi pasaran dalam dan luar negara.

"Ikan seperti kerapu, jenahak, siakap dan ikan merah adalah antara industri mendapat sambutan dan tiada masalah pasaran kerana cukup masa mereka boleh jual ke negara luar," ujarnya lagi.



Salahuddin ketika mengadakan lawatan ke sangkar menternak ikan di Kukup, Johor baru-baru ini.

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Warta kawasan tanaman padi | | |
| MediaTitle | Sinar Harian (Utara) | | |
| Date | 23 Jan 2019 | Color | Full Color |
| Section | NEWS | Circulation | 160,000 |
| Page No | 20 | Readership | 509,000 |
| Language | Malay | ArticleSize | 366 cm² |
| Journalist | SHAHRIZAL AHMAD ZAINII | AdValue | RM 2,564 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 7,692 |



# Warta kawasan tanaman padi

*Kerajaan negeri akan dapatkan maklumat kementerian terbabit*

SHAHRIZAL AHMAD ZAINI

IPOH

Kerajaan negeri akan berbincang bagi mendapatkan maklumat daripada pihak Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani berhubung pewartaan kawasan-kawasan penanaman padi di sekitar negeri.

Menteri Besar Datuk Seri Ahmad Faizal Azumu berkata, perbincangan perlu dibuat kerana pewartaan berkenaan perlu diselaraskan dengan 'pengorbanan' negeri-negeri seperti Perak dan Kedah yang memiliki keluasan sawah terbesar di negara ini.

Menurut Ahmad Faizal, pihak kementerian juga perlu melihat beberapa perkara lain yang boleh dibantu khususnya bagi penjanaan ekonomi kepada negeri-negeri ini.

"Kita sedia beri kerjasama sekiranya perlu kuatkuasakan pewartaan kawasan tanaman padi ini, namun kita juga minta kerajaan untuk lihat negeri-negeri yang banyak berkorban seperti Perak dan Kedah dalam beberapa perkara.

"Sekiranya terpaksa korbankan sawah-sawah kita untuk tujuan pewartaan, kerajaan persekutuan perlu melihat perkara lain yang boleh dibantu dari segi penjanaan ekonomi," katanya pada sidang media setelah menyempurnakan perasmian penutup Kejohanan Lawn Ball Piala Taming Sari Open Triples di Arena Lawn Balls Perak, kelmarin.



**Ahmad Faizal membuat lontaran bagi menyempurnakan gimik perasmian penutup kejohanan berkenaan, kelmarin.**

Ahmad Faizal berkata demikian bagi mengulas cadangan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani, Datuk Salahuddin Ayub berhubung penguatkuasaan pewartaan kawasan tanaman padi di beberapa negeri dalam usaha menangani masalah keluasan sawah yang semakin mengecil.

Difahamkan, cadangan berkenaan dikemukakan Salahuddin dalam Mesyuarat Tanah Negara baru-baru ini.

Sementara itu, Ahmad Faizal menyifatkan pewartaan berkenaan mungkin berdepan kekangan berikutan kebanyakan kawasan penanaman padi di negeri ini dimiliki syarikat korporat.

"Di Perak, kita mempunyai kawasan sawah yang besar terutamanya di Kampung Gajah dan sebagainya. Bagaimanapun, kawasan itu juga dimiliki oleh pihak korporat yang besar, dan mempunyai pajakan yang panjang.

"Oleh itu, saya tak nampak syarikat-syarikat ini akan membangunkan tanah-tanah sawah mereka untuk perkara lain," katanya.

***info***

**Perbincangan perlu dibuat kerana pewartaan perlu diselaraskan dengan 'pengorbanan' daripada negeri-negeri seperti Perak dan Kedah yang memiliki keluasan sawah terbesar di negara ini**

Powered by: isentia

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
| --- | --- | --- | --- |
| 23/1/2019 | BERITA HARIAN | ISU | 14 |

JELAPANG PADI TERANCAM

# Kedah nilai permohonan sebelum benar jual sawah

**Sungai Petani:** Kerajaan Kedah akan menilai setiap permohonan pemilik tanah yang mahu menjual sawah, bagi menjamin pengeluaran padi pada masa depan.

Pengerusi Jawatankuasa Pertanian dan Sumber Tani, Pengangkutan dan Industri Utama negeri, Azman Nasrudin, berkata ketika ini pihaknya masih mengekalkan dasar pertanian termasuk memastikan Kedah terus membekalkan 40 peratus bekalan padi negara.

Katanya, bagaimanapun kerajaan negeri tidak dapat mengelak permohonan pemilik tanah tertentu yang memohon menjual sawah mereka, bagi tujuan pembangunan termasuk pembinaan bangunan komersial dan perumahan.

**Nilai sebelum benar ubah status tanah**

"Kerajaan negeri akan menilai terlebih dahulu setiap permohonan, sebelum mengubah status tanah daripada pertanian kepada pembangunan.

"Ia berdasarkan keperluan, terutama sekali di Alor Setar yang memerlukan tanah untuk pembinaan perumahan.

"Kawasan yang dijadikan pembangunan itu tidak terlalu besar, hingga menjejaskan pengeluaran padi. Namun, kita tidak nafikan dalam tempoh masa yang panjang ia akan memberi kesan jika dibiarkan," katanya ketika dihubungi *BH*, semalam.

Beliau berkata demikian selepas diminta mengulas mengenai status Jelapang Padi Kedah yang tergugat kerana pembangunan di kawasan tanaman padi.

*BH* sebelum ini melaporkan pengeluaran padi negara dijangka mengalami penurunan berikutan pelbagai cabaran dihadapi pesawah, termasuk kawasan sawah yang terus mengecil kesan pembangunan di bandar utama Kedah.

Azman berkata, pihaknya juga sedang bekerjasama dengan Lembaga Kemajuan Pertanian Muda (MADA), Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI) serta Jabatan Pertanian bagi membantu pesawah.

**Cari kaedah baharu tingkat pengeluaran padi**

"Kita dalam proses mencari kaedah baharu bagi meningkatkan pengeluaran padi. Dalam tempoh lapan ke sembilan bulan ini, saya lihat kaedah pengunaan baja dan benihnya tidak dapat memberi hasil yang memuaskan, menyebabkan perlu ada pembaharuan.

"Saya sedang mendapatkan maklumat berkaitan baja dan benih, sebelum mengadakan perbincangan dalam usaha meningkatan pengeluaran padi bersama Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani," katanya.

Sementara itu, mengulas mengenai isu kekosongan Pengerusi MADA sejak Jun tahun lalu, Azman berkata, pihaknya percaya jawatan itu akan diisi tidak lama lagi bagi memastikan industri padi terus berdaya saing.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/1/2019 | BERITA HARIAN | MUKA SEPULUH | 10 |

# Tanggungjawab kekal Jelapang Padi bebankan Kedah

Di sebalik statusnya sebagai Jelapang Padi Negara, Kedah bergelut antara melaksanakan inisiatif untuk menjana kewangan negeri dan mengekalkan tanggungjawab terhadap dasar jaminan bekalan makanan. Dengan ketiadaan sumber asli dan mineral pula terhad, kemampuan kewangan Kedah terbatas, sedangkan tanah sawah khususnya di pinggir Alor Setar mempunyai nilai komersial tinggi.

Persoalannya adilkah Kedah terus dibebani tanggungjawab memastikan jaminan bekalan makanan itu? Selain tanah sawah, Kedah juga 'berkorban' dalam soal pemuliharaan hutan simpan kekal serta kawasan tadahan air. Kedua-dua pengorbanan ini mengundang beban besar kepada Kedah. Berbalik soal tanah sawah, pernah ada cadangan tanah pertanian bernilai tinggi di Kedah ditukar status demi memenuhi keperluan pembangunan komersial untuk membantu Kedah menjana kewangan. Melalui cadangan itu, tanah yang diambil diganti dengan tanah berkeluasan sama di lokasi lain. Maksudnya keluasan penanaman padi Kedah tidak berkurangan. Ramai juga membantah kerana melihat cadangan itu bakal menyebabkan Kedah kehilangan status Jelapang Padi. Kita setuju kebimbangan dibangkitkan, namun jika ada kaedah bersifat 'menang-menang' kenapa ia tidak dipertimbangkan.

Menilai potensi sektor padi, kita melihat arahan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani untuk menguatkuasakan pewartaan kawasan penanaman padi menjurus ke arah itu. Namun kaedah alternatif perlu juga dicari sebagai sandaran, sekiranya keluasan kawasan penanaman padi terus-menerus berkurangan. Bergantung sepenuhnya kepada bekalan import beras bukan langkah selamat.

| TARIKH | MEDIA | RUANGAN | MUKA SURAT |
|---|---|---|---|
| 23/1/2019 | SINAR HARIAN | BISNES | 42 |

# Agrobank terus prihatin

## *Sumbang zakat perniagaan RM25,000 kepada YPI*

NOOR AZURA SAHRIL

YAYASAN Prihatin Insan (YPI) menerima sumbangan zakat perniagaan RM25,000 daripada Agrobank.

Zakat tersebut disampaikan Ketua Pegawai Operasi Agrobank, Zahid Ahmad Zawawi, kepada Pengerusi YPI, Ishak Ismail dengan disaksikan Menteri Wilayah Persekutuan, Khalid Abdul Samad bersempena program 'OKU Sahabatku Fun Run 2.0,' di Dataran Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Ahad lalu.

Ketua Pegawai Eksekutif Agrobank, Syed Alwi Mohamed Sultan berkata, Agrobank dari masa ke semasa sentiasa berusaha membantu golongan kurang berkemampuan.

"Ia sudah menjadi tanggungjawab dan nadi di Agrobank membantu golongan yang kurang mendapat perhatian sekali gus meringankan beban dihadapi mereka.

"Sebagai sebuah institusi perbankan yang bertanggungjawab, kami berbangga kerana dapat menghulurkan sumbangan yang dapat memanfaatkan asnaf di bawah naungan YPI yang terdiri daripada golongan orang kurang upaya (OKU)," katanya.

> ***Menjadi tanggungjawab Agrobank membantu golongan yang kurang dapat perhatian."***
>
> \- Syed Alwi

Menerusi sumbangan zakat perniagaan ini, seramai 50 OKU di sekitar Kuala Lumpur dan Selangor menerima kerusi roda di bawah 'Skim Baucer Pengangkutan OKU Asnaf," katanya.




**Penyampaian zakat perniagaan telah disempurnakan oleh Zahid (kanan) kepada Ishak sambil disaksikan Khalid.**

| | | | |
|---|---|---|---|
| Headline | Farmers have not escaped poverty | | |
| MediaTitle | Sin Chew Daily | | |
| Date | 23 Jan 2019 | Color | Black/white |
| Section | Nation | Circulation | 294,476 |
| Page No | 13 | Readership | 883,428 |
| Language | Chinese | ArticleSize | 166 cm² |
| Journalist | N/A | AdValue | RM 4,100 |
| Frequency | Daily | PR Value | RM 12,300 |




## 農長：儘管提供援助補貼

# 農民脫貧未達標

（布城22日讯）农业及农基工业部长拿督沙拉胡丁今日承认该部在协助渔民和农民脱离贫穷方面仍未达标，农民的生活水平并未取得显著的改变。

他说，首相曾经说过"以前的农民贫穷，现在的农民还是贫穷"，因此，农业部应该反思是否有尽职协助农民脱离贫穷。

他今日在部门发表新年献词时，如是指出。出席者还有副部长沈志勤和秘书长拿督沙列胡丁和副秘书长拿督沙林和茱妮卡。

他说，尽管政府为农民提供了很多的援助和补贴，但还无法成功让他们摆脱B40群体。

"这是我们必须以诚实面对的问题，我们必须承认和不隐瞒，应该面对和解决问题。"

有鉴于此，农长说，该部正在进行补贴漂白运动，将不合格者的名字撤除，并着重于只发放补贴给B40低收入目标群体。

"我回乡时因为此事被人漫骂，但我支持官员的这项行动，这不是容易的工作。"

他举例，有渔民自己申请之余，也呈报在新加坡和吉隆坡工作孩子的名字，因此，政府必须要杜绝数据欺骗的行为。

### 提高本地白米供应量 减少进口

另一方面，农长指出，政府将在未来三四年内，将本地白米供应量提高至75%，减少对进口白米的依赖。

他说，大马去年进口74万吨的白米，总额是11亿8000万令吉，政府计划将目前的30%入口比率进一步削减，同时通过新科技，改善土壤和肥料来提高白米产量。

在终结国家稻米公司垄断课题的进展，沙拉胡丁说，由于涉及国家食品安全问题，因此，政府将不会仓促推介一个新模式，来解决国家稻米公司的垄断问题。

他说，政府已成立一个由经济事务部长为首的特别委员会，并有8个部门的参与，共同来研究新模式。

他说，当局将聆听非政府组织、个人和业者的意见，以便制定一个新的模式。

他指出，Bernas的特许经营合约于2021年截止前，将其股份的30%开放让稻米及米粮业者认购。

针对大马很多土地都用作商业发展问题，由于土地是 州政府的权限，他已在国家土地理事会，建议州政府提供耕地。

Powered by: isentia